

17/03/2001

Gilir KM bukti semangat perkongsian BN kental

Lichong Angkui

BENARLAH andaian bahawa politik Sabah lebih dramatik daripada filem Bollywood. Sekalipun babak-babak mencemaskan berlaku sepanjang jalan cerita, kesudahannya sukar diramal.

Begitulah jawapan kepada teka-teki mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang diperkenalkan sejak 1994. Ia berakhir semalam dengan pengumuman pelantikan Datuk Chong Kah Kiat, sebagai Ketua Menteri yang ke-13 sejak 1963.

Pada satu pihak, pengumuman itu mungkin dianggap mengejutkan kerana beberapa minggu lalu spekulasi tersebar luas kononnya sistem itu akan dimansuhkan dan Umno akan terus memegang tampuk kuasa.

Khabar angin juga bertiup kencang kononnya jika sistem itu diteruskan pun, ia akan diberi kepada kuota Bumiputera bukan Islam (mewakili masyarakat Kadazandusun/Murut) terlebih dahulu.

Tetapi di pihak lain, pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam tentunya dianggap senario biasa dalam konteks politik Sabah kerana akhirnya menamatkan politik berpanjangan.

Yang pasti, pengumuman itu menamatkan babak-babak mendebarkan di kalangan sesetengah pemimpin dan parti politik di Sabah.

Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Kudat, akan menggantikan Datuk Osu Sukam, yang tamat giliran dua tahunnya selaku Ketua Menteri kelmarin.

Sekalipun hari memulakan tugas dan istiadat mengangkat sumpah serta tempoh menyandang jawatan berkenaan belum ditentukan, yang pasti Chong akan menerajui kepimpinan negeri sehingga 2003.

Penerusan sistem penggiliran itu, walaupun dengan sedikit perubahan, menunjukkan komitmen Perdana Menteri menunaikan janji yang dibuat ketika pilihan raya Sabah 1994.

Penganalisis politik berpendapat penerusan serta perubahan terhadap sistem itu melegakan banyak pihak berbanding jika ia dimansuhkan seperti pernah disarankan sebelum ini. Ia tidak perlu dibayar dengan harga yang mahal sebagaimana jangkakan segelintir juak-juak politik.

Umno sebagai parti dominan dalam kerajaan BN Sabah nampaknya komited kepada amalan perkongsian, iaitu prinsip yang dipegangnya dalam pengagihan kerusi untuk ditandingi dalam pilihan raya.

Dengan membenarkan penerusan kepada kitaran sistem itu, ia bukan bermakna Umno tunduk mengalah, tetapi sebenarnya menampilkan ciri-ciri keterbukaan dan kematangan atas semangat muafakat dan setiakawan BN.

Dengan sedikit perubahan kepada sistem itu, seperti dijelaskan oleh Dr Mahathir semalam, Umno tidak kehilangan kredibiliti. Perubahan dibuat dengan mengambil kira penguasaan Umno terhadap lebih separuh daripada 48 kerusi DUN Sabah, termasuk 21 kerusi yang ditandingi dan dimenangnya ketika pilihan raya negeri pada 12-13 Mac 1999.

Pada satu pihak, parti komponen BN Sabah yang lain - sama ada Bumiputera Islam atau Cina - tidak akan berasakan diri mereka tersisih kerana hak mereka yang dijanjikan menerusi sistem itu tidak dihapuskan.

Selain Umno dan LDP, parti-parti yang bernaung di bawah panji-panji BN Sabah ialah Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Pertubuhan Pasokmomoگون Kadazandusun/Murut Bersatu (Upko), Parti Maju Sabah (SAPP), Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), MIC, MCA dan Gerakan.

Kejutan yang mungkin berlaku semalam ialah giliran itu diberikan kepada kuota masyarakat Cina terlebih dulu dan tidak kepada Bumiputera bukan

Islam, sebagaimana mungkin jangkaan pihak tertentu.

Tetapi, harus diingat bahawa dalam sistem itu tidak pun dinyatakan giliran siapa, malah tidak pun disebut sama ada ia giliran kalangan parti komponen.

Dengan pengumuman pelantikan itu, kalangan parti-parti komponen wajar memberikan sokongan dan komitmen padu kepada kepemimpinan Chong sekali pun mungkin beliau dianggap dari kalangan parti minoriti di Sabah.

Seperti dijelaskan oleh Setiausaha BN Sabah, Datuk Karim Bujang, semua pihak perlu akur kepada keputusan itu dan memberikan sepenuh sokongan demi kemajuan Sabah dan rakyat Negeri Di Bawah Bayu ini.

Ini, katanya, selaras dengan mandat yang diberikan oleh parti-parti komponen kepada Perdana Menteri untuk menentukan sistem berkenaan, sekali gus mengenai penyandang jawatan itu.

"Sokongan perlu diberikan kepada Chong bagi membolehkannya meneruskan agenda pembangunan negeri secara berkesan," katanya.

Hakikatnya, tidak ada yang berasa 'sakit hati' dengan pengumuman Chong sebagai Ketua Menteri baru kerana BN dan Dr Mahathir secara peribadi tetap menunaikan janji untuk menggilirkan jawatan itu.

Yang penting, penerusan sistem itu sekurang-kurangnya menghalang pembangkang utama, Parti Bersatu Sabah (PBS), daripada mendapatkan bonus politik sekiranya sistem itu dimansuhkan kerana mendakwa mereka adalah kumpulan penentang kepada sistem berkenaan.

Perubahan yang dilakukan oleh Dr Mahathir sesungguhnya bertujuan untuk kebaikan rakyat majmuk dan memperbetulkan jalan 'itik tempang' sambil menentukan batu ladung tetap berfungsi mengimbangi kuasa politik di antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Apakah kriteria dan rasional pelantikan Chong?

Penganalisis politik berpendapat pelantikan itu dibuat dengan mengambil kira kredibiliti dan kewibawaan, pengalaman serta cara kerjanya.

"Pengalamannya di Kuala Lumpur selama lima tahun adalah aset penting kepimpinan Chong. Beliau memahami cara kerja pemimpin kerajaan," kata Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman.

Suhaili yang turut mengikuti perkembangan politik Sabah sejak sekian lama berpendapat Chong lebih banyak bekerja daripada bercakap dan tidak gilakan publisiti melulu, sebaliknya bekerja dengan cermat.

"Saya yakin beliau mampu menerajui kepimpinan Sabah dalam menyongsong perjuangan pada alaf baru ini," jelasnya sambil merujuk track record yang dibawa Chong dalam industri pelancongan Sabah sepanjang menerajui kementerian berkaitan pada 1999.

Apapun, Chong kini menghadapi cabaran besar untuk ditangani. Beliau bukan saja perlu menentukan agenda pembangunan tidak tergendala dengan peralihan kepimpinan, tetapi pada masa sama menentukan nasib rakyat terbela sepenuhnya sebagaimana diharapkan.

Sebagai ketua eksekutif kerajaan negeri, Chong tidak dapat lari daripada menyelesaikan kerenah dan kemelut politik kepartian di Sabah yang mungkin sesuatu yang cukup memeningkan.

Sejak BN mengambil alih teraju kepimpinan tujuh tahun lalu, banyak kedengaran ugutan politik sesama parti komponen yang tidak puas hati dengan sesuatu hal.

Kedudukan parti pimpinannya, LDP, yang cuma mempunyai dua Adun, tidak harus menjadi faktor bagi Chong berasa rendah diri kerana falsafah perkongsian BN seharusnya menjadi tonggak utama.

Pelantikan sebagai Ketua Menteri adalah suatu tugas dan tanggungjawab yang menuntut pengorbanan besar kerana harapan rakyat amat tinggi, setinggi tingkat 28 pejabat Ketua Menteri di Bangunan Yayasan Sabah di Teluk Likas, Kota Kinabalu.